

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 1 JUN 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1131-L631
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kementerian mengambil tindakan untuk menukar jenis tanaman pertanian petani-petani yang sedang menanam tembakau di negara ini kepada jenis tanaman pertanian yang lain.
2. PN-1131-L751
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada dalam perancangan membentuk Masyarakat Perniagaan dan Perdagangan Bumiputera (MPPB) menggariskan sasaran kuantitatif tertentu. Umpamanya berapakah jumlah usahawan yang akan dibentuk di bawah skim francais, berapa pula yang akan dibimbing di bawah "BIG GROOM" dan berapakah jumlah usahawan wanita yang dapat dibentuk dalam RMK-9.
3. PN-1131-L719
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan respons daripada warga Orang Kurang Upaya dan majikan semenjak pelancaran Sistem Penempatan Orang Kurang Upaya (SPOKU) pada tahun lalu.
4. PN-1131-L763
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memastikan produk pertanian tempatan terutamanya produk akuakultur berupaya dipasarkan di pasaran global.

5. PN-1131-L667
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian di dalam menangani masalah menghidu gam di kalangan anak-anak muda yang kini menimbulkan masalah sosial yang serius di kalangan masyarakat Melayu.
6. PN-1131-L514
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah golongan profesional yang menghidapi penyakit AIDS serta tindakan susulan bagi memudahkan mereka menjalani rawatan dengan kos yang berpatutan.
7. PN-1131-L746
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan 'Program Rumah Kedua' dengan menjemput warga asing tinggal di Malaysia selama 5 tahun. Adakah program ini menguntungkan Malaysia dan dikhuatiri program ini akan merugikan kerana dari segi kebanjiran warga asing dan pengaliran wang keluar negara.
8. PN-1131-L222
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan pemaju perumahan tidak menipu pembeli rumah semasa mengiklankan projek perumahan di dalam akhbar dan brosur.
9. PN-1131-L141
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
 - (a) status serta perkembangan bantuan untuk tabung tsunami yang telah disalurkan kepada mangsa-mangsa tsunami khususnya di Kedah dan Pulau Pinang; dan
 - (b) perkembangan serta kemajuan projek perumahan/penempatan semula mangsa tsunami di Kedah dan Pulau Pinang.
10. PN-1131-L409
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah perbelanjaan kempen "Tak Nak" dan syarikat manakah yang bertanggungjawab untuk melaksanakan kempen ini serta laporkan juga kejayaan dari kempen ini jika ada. Jika tidak, mohon memberi sebab kepada kegagalan dan siapa yang patut bertanggungjawab.

11. PN-1131-L790
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) dalam tempoh 5 tahun, berapa banyakkah anggota tentera yang mewakili tiga cabang perkhidmatannya yang telah bersara secara pilihan dan setakat mana langkah susulan Kementerian untuk menjaga kebajikan mereka serta jumlah yang telah diberhentikan kerana terbabit dalam kes pelanggaran disiplin dan jenayah ; dan
 - (b) apakah langkah yang telah dilakukan untuk menarik minat penyertaan belia bukan Melayu bagi menyertai ketiga-tiga cabang Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam menyamai nisbah polarisasi kaum dalam perkhidmatan.
12. PN-1131-L802
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian tidak bercadang supaya satu struktur tanggungjawab dan akauntabiliti yang komprehensif dapat diwujudkan bagi memastikan strategi mengurus padukan gender dapat dilaksanakan dengan sempurna dan berkesan. Struktur tanggungjawab dan akauntabiliti ini dijangka mampu menggembelng usaha dan komitmen penuh daripada pemimpin tertinggi negara dalam memberi hala tuju, memantau dan meneliti pelaksanaan strategi mengurus padukan gender.
13. PN-1131-L281
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah baru yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk memelihara keharmonian beragama di Malaysia. Sejauh manakah ancaman ekstremis kaum sekarang ini.
14. PN-1131-L607
Datuk Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kementerian ingin meluaskan pemeliharaan kambing di tiap-tiap daerah di setiap negeri di Semenanjung seperti yang dilakukan di negeri Terengganu. Sekiranya tidak, mengapa kita masih mengimport banyak daging dan harganya melambung tinggi dari masa ke semasa.
15. PN-1131-L581
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan telah membuat kajian dan siasatan terperinci mengenai tahap kemampuan kakitangan syarikat-syarikat keselamatan kerana didapati di sesetengah premis terutamanya di sekolah-sekolah masih menggunakan khidmat kakitangan keselamatan yang sudah berumur.

16. PN-1131-L324
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan "Pengetua Cemerlang" di MRSM seperti di sekolah Menengah Kerajaan. Bagaimanakah guru-guru di MRSM dipilih untuk mengajar di maktab-maktab tersebut.
17. PN-1131-L533
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan syarikat yang membekalkan ubat kepada hospital-hospital Kerajaan sejak ianya telah diswastakan dan apakah syarikat-syarikat yang utama. Berapakah pula perbelanjaan untuk membeli ubat sebelum penswastakan perkhidmatan pembekalan ubat-ubatan dan selepas penswastakan.
18. PN-1131-L690
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kriteria yang ditetapkan oleh Kementerian untuk seseorang mendapatkan projek gerai yang dibina di bawah Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan.
19. PN-1131-L457
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang berada di Sabah dan apakah langkah jangka pendek dan panjang yang berkesan yang akan diambil serta sasaran yang ditetapkan untuk menyelesaikan masalah PATI di Sabah.
20. PN-1131-L487
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah rakyat yang diklasifikasikan sebagai miskin tegar di setiap daerah dalam negeri Johor dan apakah rancangan-rancangan ekonomi yang telah dirangka untuk membasmi kemiskinan ini.
21. PN-1131-L640
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah permohonan projek-projek swasta yang diterima oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut negeri dari tahun 2001 hingga 2005 dan permohonan yang melebihi tempoh enam bulan dari pemaju bagi projek pembangunan (bangunan perniagaan, perumahan dan kondominium) yang belum diluluskan oleh PBT mengikut negeri dan strategi bagi mempercepatkan permohonan yang tertunggak itu.

22. PN-1131-L558
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perlunya perkhidmatan kesihatan di Malaysia diswastakan sedangkan WHO telah mengiktiraf perkhidmatan kesihatan Malaysia sebagai yang terbaik.
23. PN-1131-L703
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah pihak Kerajaan sedar kelemahan kontrak yang termeterai di antara IPP dan TNB di negara ini boleh menyumbang ke arah kerugian besar TNB. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan di ambil Kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini.
24. PN-1131-L304
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan unit rumah kos rendah yang telah siap dibina mengikut negeri sehingga 2005, bilangan yang tidak diduduki dan terbiar dan sebab-sebabnya.
25. PN-1131-L456
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan faktor-faktor yang memberi kejayaan kepada Petronas dan apakah langkah-langkah dan adakah kemungkinan Kerajaan untuk merealisasikan faktor-faktor tersebut ke atas GLC's yang lain.
26. PN-1131-L387
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan IPTA dan IPTS yang ada sekarang serta apakah usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan pengurusan bagi menampung bilangan pelajar yang layak melanjutkan pelajaran semakin meningkat setiap tahun.
27. PN-1131-L423
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam mengatasi masalah kesesakan tempat letak kenderaan di bandar-bandar sedangkan saman terus dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu pihak yang menyediakan tempat letak kereta meletakkan harga bayaran sewenang-sewenangnya tanpa mematuhi sebarang garis panduan. Adakah sebarang garis panduan untuk meletakkan harga bayaran tempat letak kereta.
28. PN-1131-L239
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar, program dan pendekatan untuk menjadikan ahli-ahli Rukun Tetangga sebagai pemimpin berkesan di peringkat akar umbi agar sentiasa relevan dalam mengukuhkan perpaduan kaum.

29. PN-1131-L249
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendekatan baru yang digunakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk memperkukuhkan perpaduan kaum selain daripada menganjurkan aktiviti rukun tetangga dan tabika perpaduan yang masih ditakuk lama memandangkan kehendak rakyat dan pemimpin negara memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat, agensi Kerajaan dan swasta dalam memperkukuhkan perpaduan negara.
30. PN-1131-L287
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah keseluruhan kes mereka yang dijangkiti HIV berpunca daripada kelalaian pemindahan darah di hospital-hospital Kerajaan pada tahun 2005. Apakah langkah-langkah dan jaminan Kerajaan supaya kes-kes seperti ini dapat dibendung.
31. PN-1131-L327
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana sasaran Kerajaan dapat dicapai bagi pengeluaran padi tempatan ke tahap kecukupan sendiri (SSL) meningkat kepada 95% menjelang tahun 2010.
32. PN-1131-L811
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan di dalam menentukan penceramah-penceramah di masjid dan surau adalah daripada kalangan mereka yang berkeelayakan serta tidak menyeleweng.
33. PN-1131-L744
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada prosedur tertentu dirangka dalam tugas pemantauan serta proses yang akan diambil untuk bertindak terhadap aduan yang diterima sama ada mengenai kelewatan pelaksanaan atau penyelewengan dengan tujuan mencari penyelesaian yang terpantas dan berkesan.
34. PN-1131-L388
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengkaji semula undang-undang sedia ada terhadap penjenayah pencemaran alam sekitar dan apakah langkah-langkah pemantauan bagi mengekang masalah ini berulang.
35. PN-1131-L347
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa peratus kita telah berjaya memberi peluang anak muda kita (17-32 tahun) belajar di IPT Awam dan IPT Swasta Tempatan dan bilakah 40% tanda aras negara maju boleh dicapai dalam perkara ini di negara kita.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|--|--|-----------------------------------|
| 1. | (D.R. 5/2006) | Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006 -
Menyambung semula Perbahasan atas masalah
"Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali
yang kedua sekarang (31 Mei 2006)" . | |
| 2. | (D.R. 4/2006) | Rang Undang-undang Suruhanjaya
Perkhidmatan Air Negara 2006; | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 8/2006) | Rang Undang-undang Paten (Pindaan)
2006; | “ |
| 4. | (D.R. 9/2006) | Rang Undang-undang Pengangkutan
Jalan (Pindaan) 2006; | “ |
| 5. | (D.R. 3/2006) | Rang Undang-undang Akademi Seni
Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006; | “ |
| 6. | (D.R. 6/2006) | Rang Undang-undang Pembangunan
Kemahiran Kebangsaan 2006; | “ |
| 7. | (D.R. 26/2005) | Rang Undang-undang Makanan
(Pindaan) 2005; dan | “ |
| 8. | (D.R. 2/2006) | Rang Undang-undang Lembaga
Promosi Kesihatan Malaysia 2006. | “ |
| 9. | YB. Dato' Haji Abdul Rahman Bin Suliman Timbalan Menteri
di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan:- | | |

“Bahawa Majlis ini, mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara 78(5) mengambil ketetapan bahawa Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang dibentangkan di atas meja mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas Dewan Negara DN.2 Tahun 2006 hendaklah diterima.”

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN</u> <u>2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
DN.2	Penyata Khas Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Negara Menurut Perintah Peraturan Mesyuarat 78(3) Untuk Dibentangkan Di Atas Meja Mesyuarat. Dikemukakan Oleh : YB. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara (Pengerusi)	31 Mei 2006